



**JAWATAN KOSONG
PEMBANTU PENTADBIRAN (GRED NE4-1)
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	TARAF JAWATAN
1.	Pembantu Pentadbiran	NE4-1	RM 1,800.00	RM 4,356.00	RM 125.00	Tetap

Nota : Tertakluk kepada Terma & Syarat Perkhidmatan berkuatkuasa. Syarikat berhak meminda atau menambah sebarang terma & syarat perkhidmatan berdasarkan keperluan dan kepentingan operasi Syarikat.

SYARAT LANTIKAN :

1. Memiliki Diploma dalam bidang Logistik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA 3.00) yang cemerlang;
2. Mempunyai pengalaman minima satu (1) tahun dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan;
3. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
4. Boleh bertugas / bertukar di lokasi yang ditetapkan oleh Syarikat.

SYARAT TAMBAHAN :

1. Keutamaan Anak Melaka atau pasangan atau ibu bapa berasal dari Melaka;
2. Tiada hubungan kekeluargaan (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik termasuk ipar) dengan anggota yang bekerja di SAMB.

BIDANG TUGAS UTAMA :

1. Bertanggungjawab menyelenggara rekod, memastikan penyimpanan dan penjagaan / pemeliharaan stok;
2. Bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan fizikal berkala dan menguruskan perolehan stor pusat Syarikat serta untuk operasi bekalan air;
3. Berkomunikasi dan menyampaikan maklumat dengan berhemah dan tepat.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

- Permohonan yang lengkap dan lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.